



Lim Guan Eng. - UTUSAN ONLINE

PUTRAJAYA 26 April - Kementerian Kewangan akan menyediakan peruntukan tambahan dianggarkan berjumlah RM42 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk menyelaraskan pembayaran bantuan musim tengkujuh kepada 70,000 pekebun kecil di negeri itu.

Menterinya, Lim Guan Eng berkata, ini berikutan persetujuan kementerian untuk meluluskan rayuan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) agar takrifan pekebun kecil di negeri itu merangkumi pengusaha getah dengan keluasan kebun enam hektar dan ke bawah.

"Ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan untuk membantu pekebun kecil Sabah yang sekarang berdepan dengan harga rendah getah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebagai latar belakang, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan bantuan musim tengkujuh sebanyak RM200 sebulan untuk tiga bulan melibatkan November serta Disember tahun lepas dan Januari lalu kepada pekebun kecil getah di seluruh negara melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Bantuan itu melibatkan peruntukan sebanyak RM165 juta dan hampir 275,000 pekebun kecil, iaitu pengusaha getah dengan keluasan kebun 2.5 hektar dan ke bawah.

Jumlah penerima tersebut termasuk 6,000 pekebun kecil yang terdaftar dengan RISDA di Sabah.

Walau bagaimanapun, pihak LIGS telah membuat rayuan agar takrifan pekebun kecil di Sabah seharusnya merangkumi pengusaha getah dengan keluasan kebun enam hektar dan ke bawah yang melibatkan lebih 70,000 pekebun getah. - UTUSAN ONLINE